



23 Ogos 2023
23 August 2023
P.U. (A) 249

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 2023

*ROAD TRANSPORT
(AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127A Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Pindaan Jadual Kedua) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2023.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (iii) perenggan yang berikut:

“(iv) Menggunakan, atau menyebabkan atau membenarkan digunakan, suatu kenderaan motor yang berkenaan dengannya tiada suatu lesen kenderaan motor yang berkuat kuasa yang diberikan di bawah Akta

(v) Menggunakan, atau menyebabkan atau membenarkan digunakan, suatu kenderaan motor yang tidak mempunyai suatu polisi insurans atau apa-apa jaminan berkenaan dengan risiko pihak ketiga yang mematuhi kehendak Akta

(vi) Memandu atau membenarkan dipandu suatu kenderaan motor yang berat dengan muatan kenderaan motor itu melebihi had berat maksimum dengan muatan yang dibenarkan

(vii) Menyebabkan atau membenarkan suatu kenderaan motor dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan, keadaan atau hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas”.

Dibuat 15 Ogos 2023
[MOT. BD. (R). 600-1/5/4(5); PN(PU2)460/Jld. 127]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 127A of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Amendment of Second Schedule) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 1 September 2023.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule to the Road Transport Act 1987 is amended by inserting after paragraph (iii) the following paragraphs:

“(iv) Using, or causing or permitting to be used, a motor vehicle in respect of which there is not in force a motor vehicle licence granted under the Act

(v) Using, or causing or permitting to be used, a motor vehicle which does not have a policy of insurance or any security in respect of third party risks which complies with the requirements of the Act

(vi) Driving or permitting to be driven a motor vehicle which the laden weight of the motor vehicle exceed the maximum permissible laden weight

(vii) Causing or permitting a motor vehicle to remain at rest on any road in any position, condition or circumstances as to be likely to cause danger, obstruction or undue inconvenience to other users of the road or to traffic”.

Made 15 August 2023
[MOT. BD. (R). 600-1/5/4(5); PN(PU2)460/Jld. 127]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport